

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : KAD KISS

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapakah kad KISS yang telah diluluskan untuk DUN Selat Klang?
- b) Nyatakan kenapa sehingga 4 Mac, masih gagal diserahkan kepada ADUN untuk diserahkan kepada golongan ibu marhaen yang ternanti-nanti.

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Selat Kelang, pemberian kad KISS kepada rakyat adalah dilaksanakan secara berperingkat mengikut DUN kerana proses kerja yang perlu dilalui bermula dari penerimaan permohonan sehingga cetakan kad perlu dibuat dan disemak dengan teliti sebelum diserahkan kepada penerima kad agar proses pemilihan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sehingga 21 Mac 2018, sebanyak 101 permohonan telah diserahkan kepada penerima di DUN Selat Kelang yang layak berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : JUMLAH PELAJAR DI SEKOLAH SEKOLAH RENDAH DI DUN SELAT
KLANG**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keseluruhan pelajar di SK Telok Gadong, SK Sg Udang, SK Telok Pulai (tidak termasuk prasekolah), SRI Farabi.
- b) Nyatakan jumlah pelajar di SRA Kpg Delek, SRA Sg Udang, KAFAI Darul Ulum, KAFAI Al Hidayah, KAFAI Telok Gadung.

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan pelajar di SK Telok Gadong, SK Sungai Udang, SK Teluk Pulai (tidak termasuk prasekolah), SRI Farabi, seperti jadual di bawah:

BIL	SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR (ORANG)
1.	SK Telok Gadong	1110
2.	SK Sungai Udang	1701
3.	SK Telok Pulai	1222
4.	SRI Farabi	215
JUMLAH		4,248

- b) Jumlah pelajar sehingga Februari 2018 mengikut sekolah adalah seperti berikut:

BIL	SEKOLAH	JUMLAH PELAJAR (ORANG)
5.	SRA Kampung Delek	1,239
6.	SRA Sungai Udang	1,758
7.	KAFAI Darul Ulum	336
8.	KAFAI Al Hidayah	221
9.	KAFAI Telok Gadung	427
JUMLAH		3,981

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN 2018

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan semua ADUN yang telah diluluskan seluruh Selangor dan tuntutan semua ADUN yang telah dibayar.

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 41/2016 yang diadakan pada 14 Disember 2016 dan disahkan oleh MMKN ke 42/2016 pada 21 Disember 2016 telah meluluskan peruntukan Perkhidmatan Masyarakat kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebanyak RM1,100,000.00 dan setiap Ahli Dewan Negeri RM800,000.00.

Sejumlah RM600,000.00 disalurkan untuk Pegawai Penyelaras yang dilantik oleh Kerajaan Negeri manakala sebanyak RM200,000.00 untuk Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM48,400,000.00 kepada Ahli Dewan Negeri Kerajaan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Pegawai Penyelaras Kerajaan dan Bukan Kerajaan. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal peruntukan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5,103,077.05 telah dibelanjakan sehingga 28 Februari 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PROJEK ECRL

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tanah yang terlibat di DUN Selat Klang yang akan dikorbankan untuk projek ini.
- b) Apakah usaha melibatkan orang kampung untuk memahami projek ini dalam mana mana dialog?

JAWAPAN:

a) dan b)

1. Pembangunan projek Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link - ECRL*) merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang akan dilaksanakan oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL). Projek ECRL ini dijangka akan melibatkan sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor dan pihak MRL selaku pemaju projek yang dilantik telah memohon untuk mengadakan kunjungan hormat kepada Dato' Menteri Besar Selangor pada 20 Julai 2017 bagi membincangkan pelaksanaan projek tersebut. MRL merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan adalah pemilik aset ECRL.

2. Pada masa ini, Kerajaan Negeri hanya dimaklumkan mengenai pelaksanaan projek ECRL melalui mesyuarat penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek Laluan Rel Pantai Timur Bil.1/2017 pada 25 Januari 2017 bertempat di Kementerian Kewangan, di mana Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan di dalam jawatankuasa tersebut. Namun begitu, tiada sebarang kelulusan berhubung pelaksanaan projek tersebut dan masih terlalu awal untuk Kerajaan Negeri memberi apa-apa ulasan tentang projek ini kerana Kerajaan Negeri belum menerima apa-apa permohonan berkaitan tanah-tanah yang terlibat atau sebarang perbincangan melibatkan penduduk kampung yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : AGROTOURISM DI KALANGAN USAHAWAN MUDA

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan insentif untuk melahirkan golongan belia yang mempunyai minat mencebur diri dalam memulakan projek khususnya durian, buah-buahan tempatan dari aspek geran permulaan, bimbingan dan pasaran.

JAWAPAN:

- a)

JAWAPAN TIDAK DITERIMA DARIPADA SEKSYEN SEKTORAL

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PENYELESAIAN ISU LIF PANGSAPURI KOS RENDAH DI SELANGOR

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kronologi penyelesaian isu lif di Pangsapuri Sri Perantau.
- b) Nyatakan jumlah serta nilai kos.

JAWAPAN:

- a) Kronologi penyelesaian isu lif di Pangsapuri Sri Perantau seperti berikut:

TARIKH	TINDAKAN
16 Ogos 2016	Permohonan baikpulih lif Pangsapuri Seri Perantau di bawah Skim CERIA oleh IPC selaku ejen pengurusan yang dilantik COB MPK.
30 Ogos 2016	Arahan kepada PKNS untuk sediakan BQ.
24 Januari 2017	Terima BQ daripada PKNS.
2 Februari 2017	Memo kepada bahagian Pembangunan LPHS untuk semakan BQ yang disediakan LPHS.
11 Februari 2017	Taklimat perancangan baikpulih lif di Pangsapuri Seri Perantau secara percuma tanpa perkongsian kos di bawah program SMARTLIFE.
6 Mac 2017	Kelulusan Pangsapuri Seri Perantau sebagai peserta program SMARTLIFE melalui Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan SMARTLIFE oleh pihak UPEN.
27 April 2017	Arahan Perbendaharaan Negeri untuk LPHS mengeluarkan surat setuju terima kepada kontraktor yang dipilih SIC setelah didapati prosedur kewangan dipenuhi.
4 Mei 2017	Surat lantik SIC sebagai PMC.
23 Mei 2017	Proses tender oleh SIC.
13 Jun 2017	Mesyuarat Perbincangan Pelaksanaan Tanggungjawab SIC Sebagai PMC Dalam Hal-Ehwal Pelantikan Firma Kompeten Lif.
14 Jun 2017	Surat rayuan justifikasi pelaksanaan tanggungjawab SIC sebagai PMC dalam hal-ehwal pelantikan firma kompeten lif.

TARIKH	TINDAKAN
4 Julai 2017	Kelulusan Perbendaharaan Negeri pelantikan kontraktor adalah dibawah kuasa SIC yang telah diturunkan oleh LPHS.
6 Julai 2017	Surat arahan mula kerja kepada SIC.
12 Julai 2017	Kerja awalan baikpulih lif bermula. Jangka siap pada Januari 2019.

- b) Sejumlah 24 unit lif terlibat untuk kerja baik pulih lif di Pangsapuri Sri Perantau dengan kos berjumlah RM7,552,416.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : BALAI ISLAM PULAU KETAM

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Balai Islam yang merupakan satu satunya syiar Islam di Pulau Ketam akan dinaik taraf kepada kompleks serbaguna supaya mampu menjaga masalah penduduk, pelancong dan misi dakwah?

JAWAPAN:

- a) Pihak Unit Pembangunan, JAIS telah melakukan kerja-kerja baikpulih secara berperingkat dari semasa ke semasa pada tahun 2018 di Balai Islam Pulau Ketam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : TANAH KTM SG SIREH

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan penyelesaian setingan di sini serta pencapaian.

JAWAPAN:

a) Kertas Ringkasan bagi pertimbangan MMKN telah dikemukakan ke PTGS bagi penyelesaian ini pada 9 Februari 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : JAMBATAN LALUAN KE KAWASAN KUBUR KAMPUNG BAHAGIA
BUKIT LAGONG SG BULOH**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status cadangan Pejabat Daerah Tanah Gombak untuk membina jambatan laluan ke kawasan perkuburan Cina di Kg Bahagia Lagong berhampiran Pusat Rawatan UITM Sg Buloh ?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, permohonan untuk menaiktaraf jambatan berkenaan telah dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDTG) pada 2017. Pihak PDTG telah memberikan maklumbalas bahawa tiada halangan bagi pembinaan jambatan tersebut dengan kos pembaikan ditanggung sendiri oleh pemohon melalui surat pada 15 September 2017. Pihak JPS juga telah memberikan ulasan bahawa tiada halangan bagi pembinaan jambatan tersebut dan akan memberikan nasihat teknikal sebelum jambatan tersebut dibuat kelak. Sehingga kini, tiada permohonan ulasan teknikal diterima bagi pembinaan jambatan tersebut.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Hasil dari siasatan di tapak mendapati jambatan laluan ke Kawasan Perkuburan Cina di Kg Bahagia masih berfungsi sepenuhnya dan permohonan yang diterima adalah bagi menaiktaraf serta melebarkan jambatan tersebut.

Untuk makluman, pihak JPS sedang melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Sg Chemubong di mana sekiranya kerja-kerja bagi menaiktaraf jambatan dilaksanakan menyebabkan kerja-kerja kontraktor akan terganggu berikutan tiada dalam skop kerja bagi menaiktaraf jambatan tersebut. Pihak kontraktor telah memasang balik '*box culvert crossing*' sediaada semasa kerja-kerja menaiktaraf Sungai Chemubong dilaksanakan.

Pihak JPS tiada halangan bagi cadangan kerja-kerja membina jambatan yang dimohon oleh Pejabat Daerah Tanah Gombak menggunakan peruntukan sendiri dan pihak jabatan akan memberikan nasihat teknikal dan ulasan sekiranya dikemukakan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : JALAN KELUAR ALTERNATIF KAMPUNG SRI INDAH A. DEWAN
PERNAH DIBERITAHU BAHAWA LANTIKAN PERUNDING DIJANGKA
BERMULA PADA TAHUN 2017**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah nama perunding yang telah dilantik ?
- b) Apakah projek tersebut telah ditender sebagaimana jawapan dalam sidang Dewan Nov 2016?

JAWAPAN:

- a) Perunding yang telah dilantik adalah DNP Consult Sdn Bhd.
- b) Peringkat awal perancangan kerja cadangan tender adalah November 2017. Berdasarkan status terkini, reka bentuk dan penyediaan Dokumen Tender telah selesai.

Walau bagaimanapun, Proses Tender ini hanya boleh dilaksanakan selepas proses pelepasan tanah PTP (Pentadbir Tanah Persekutuan) di bawah JKPTG ini selesai.

Pihak JKR Negeri Selangor telah mendapatkan kerjasama dari pihak PTG Selangor dan JKPTG Selangor bagi menyelaraskan proses pelepasan tanah ini. Projek ini dijangka akan ditender pada Oktober 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : AIR SELANGOR

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terangkan kronologi pengambilalihan daripada SYABAS kepada Air Selangor.
- b) Setelah perjanjian, apakah terdapat masalah berbangkit yang tidak dapat diselesaikan atau masih dalam rundingan?

JAWAPAN:

- a) Pada 12 September 2014, Perjanjian Utama (*Master Agreement*) telah dimeterai di antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor sebagai langkah untuk melaksanakan penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Rentetan itu, pada 11 November 2014, Air Selangor telah menandatangani Perjanjian Pembelian Saham (*Share Purchase Agreement*) dengan Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) bagi menetapkan terma dan syarat ke atas pembelian pegangan di dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (sekarang dikenali sebagai PNSB Water Sdn Bhd) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS).

Selanjutnya, Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreement*) kepada Perjanjian Utama telah ditandatangani pada 10 Julai 2015 sebagai persetujuan ke atas perkara-perkara berikut: -

- (i) Kerajaan Negeri menyerahkan aset-aset dan tanah kepada Kerajaan Persekutuan sebagai balasan untuk Kerajaan Persekutuan melalui PAAB menyediakan dana bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air swasta di Selangor oleh Air Selangor; dan
- (ii) Pelanjutan tempoh untuk menyempurnakan Perjanjian Utama selama enam puluh (60) hari sehingga 8 September 2015 bermula dari tarikh Perjanjian Tambahan untuk memenuhi *Conditions Precedent* (CP) Perjanjian Utama.

Lanjutan dari termeterainya Perjanjian Tambahan tersebut, pada 15 Oktober 2015, Air Selangor telah berjaya mengambil alih PNSB dan SYABAS pada harga RM1.55 bilion.

- b) Perjanjian jual beli SYABAS adalah satu perjanjian komersil yang telah ditandatangani oleh Air Selangor dan PNHB. Selaku pembeli, Air Selangor telah diberikan hak untuk membuat sebarang tuntutan, di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, sekiranya terdapat sebarang percanggahan representasi dibuat oleh PNHB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PROGRAM KISS

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor yang menyebabkan program KISS tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program KISS ini telah dilaksanakan mengikut perancangan sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor semasa pembentangan Belanjawan 2018 yang lalu. Namun begitu, pelbagai proses yang perlu dilalui selepas penerimaan permohonan diperingkat Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN seperti semakan dan saringan terhadap permohonan yang diterima mengikut kelayakan yang telah ditetapkan.

Senarai penerima juga akan diteliti dan disemak bagi mengelakkan berlakunya pertindihan nama, semakan ke atas dokumen sokongan serta pengesahan borang permohonan perlu dilakukan sebelum kad KISS dicetak. Sehubungan itu, proses-proses ini mengambil sedikit masa yang menyumbang kepada kelewatan pengeluaran dan penerimaan kad kepada penerima.

Setelah itu, pemberian kad KISS kepada Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN diberikan secara berperingkat dan seterusnya dapat diserahkan kepada penerima yang layak untuk menerima manfaat yang telah disediakan di dalam Program KISS ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : . PEMBATALAN PROJEK PEMBINAAN RUMAH SELANGORKU

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat yang di tetapkan kepada pemaju perumahan rumah Selangorku?
- b) Apakah syarat-syarat yang tidak dipatuhi punca pembatalan?
- c) Apakah nama pemaju dan projek yang terlibat pembatalan ini?

JAWAPAN:

- a) Pemaju perumahan dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan sepertimana dalam kelulusan MMKN diantaranya adalah:-
 - i) Menyediakan Rumah Selangorku berdasarkan Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2013 Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku).
 - ii) Memulakan pembinaan dalam tempoh masa 2 tahun daripada tarikh kelulusan diberikan.
- b) Pemaju disyaratkan memulakan pembinaan Rumah Selangorku dalam tempoh masa 2 tahun daripada tarikh kelulusan MMKN. Sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat tersebut, tindakan penarikan balik akan diambil terhadap pemaju berkenaan.
- c) Berdasarkan rekod dan semakan di lapangan, terdapat 9 projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh MMKN tetapi sehingga kini masih gagal untuk memulakan pembinaan Rumah Selangorku di tapak dalam tempoh masa 2 tahun seperti mana yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Negeri.

Senarai 9 projek yang akan ditarik balik kelulusan adalah seperti berikut :-

No	Pemaju	Lokasi Projek
1	Angkasa Indah Sdn Bhd	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 17395 Lot 64681, Jalan PJS 9/1, PJS 9, Bandar Sunway, Subang Jaya, Mukim Damansara Daerah Petaling.
2	Valiant Plus Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 11847 Lot 83949 Mukim Klang, Daerah Klang.
3	D-Hill Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas GRN 49797 Lot 942 Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat
4	Sanjung Segar Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas Hakmilik HS(D) 67904 PT 3868 Dan HS(D) 67905 PT 3869 Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak.
5	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas No Hakmilik PN 93260 Lot 23124
6	K.Y.K Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas HSD 134053 PT 69154 (sebahagian Lot asal 8597 Dan Lot 8598, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.
7	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik PM 854 GRN 54445 Lot 1048 dan sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak
8	Famemont Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik HSM 725 Lot 3622 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.
9	Hua Yang Berhad (Pemaju Asal Regal Form Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas HS(D) 154349 PT 74041, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEROBOHAN BANGUNAN BLOK C DAN PEMBATALAN TAPAK
CADANGAN BARU PASAR BORONG KLANG DI JALAN KORPORAT
MERU YANG BERSEBELAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN MERU**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tapak yang dicadangkan selepas dibatalkan?
- b) Dimanakah tapak cadangan baru dan apakah status kelulusan dan binaan?
- c) Apakah nasib peniaga pasar borong ini selama tempoh menunggu bangunan baru siap?

JAWAPAN:

- a) Permohonan akan dibuat kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya tapak berkenaan diwartakan untuk kegunaan awam.
- b) Buat masa ini pihak Majlis tiada cadangan tapak baru untuk bangunan pasar.
- c) Terkini, peniaga masih boleh berniaga di Pasar Borong Blok C Kompleks Pasar Besar Jalan Meru, Klang. Mereka akan dipindahkan ke Blok B Kompleks Pasar Besar Jalan Meru, Klang selepas penaiktarafan bangunan dan mengekalkan perancangan asal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : BINAAN PARIT TANAH KEPADA KONKRIT DENGAN SAIZ YANG LEBIH KECIL DARIPADA SAIZ ASAL DI JALAN TERATAI DAN JALAN KEPAYANG. ANTARA PUNCA KERAP BANJIR KILAT DI PERUMAHAN PEDUDUK JALAN TERATAI DAN PERKILANGAN KECIL DI JALAN KELEDANG

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah projek ini telah mendapat perhatian dan kelulusan Pejabat Tanah, MPK, JKR dan JPS?
- b) Apakah pelan tindakan bagi mengatasi masalah ini?
- c) Apakah tindakan kepada pemaju yang menceroboh rizab kerajaan?

JAWAPAN:

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

- a) Untuk makluman, kawasan sekitar Jalan Teratai terletak di kawasan perindustrian dimana tidak terdapat rezab parit sediaada. Maka, semasa permohonan pembangunan oleh pemaju kilang ini, disyaratkan penyerahan rezab parit kepada kerajaan oleh pemaju. Pengilang ini turut disyaratkan untuk menaiktaraf parit tanah sediaada kepada parit konkrit. Pada masa kini, keadaan semasa di tapak adalah gabungan parit tanah dan konkrit. Selain itu, jajaran sistem saliran yang berliku dan lintasan utiliti juga didapati merupakan punca kejadian banjir di Jalan Teratai. Walaupun kebanyakan projek dikawasan ini mendapat kelulusan pelan sistem saliran, namun sebahagian daripada projek pembangunan disini tidak diberi sokongan CCC kerana gagal mematuhi standard dan piawaian yang telah ditetapkan.
- b) Bagi mengatasi masalah ini, pengambilan balik tanah bagi tujuan rezab parit perlu dilakukan. Setelah jajaran rezab parit ini ditetapkan, maka parit sediaada perlu dinaiktaraf berserta dengan pengalihan utiliti yang menghalang kelancaran air larian hujan.
- c) Pada masa kini, tiada rezab parit sediaada di sekitar jalan Teratai. Sekiranya, serahan rezab telah dibuat dan ada pencerobohan berlaku, maka tindakan perobohan kepada struktur yang berada di dalam rezab akan dibuat. Tindakan

bersama ini akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dan juga jabatan terlibat.

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

- a) Bagi pembinaan parit-parit di dalam rezab parit untuk sesuatu pembangunan, MPK mensyaratkan kepada pemaju perlu membina parit konkrit lebar maksimum tertakluk kepada ulasan dan syarat-syarat Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).
- b) Menaiktaraf parit sediaada mengikut pelan induk saliran JPS. Masalah banjir di kawasan berkenaan pada masa ini pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir di bahagian hilir aliran air di sepanjang Jalan Abdul Manan. Pemaju disyaratkan dan perlu membina parit konkrit di dalam rezab yang diserahkan/diperuntukan apabila sesuatu lot tanah dibangunkan. Saiz longkang adalah mengikut rekabentuk juruperunding pemaju berdasarkan kawasan tadahan air yang diambil kira. Parit tanah juga perlu dinaiktaraf selaras dengan pelan induk JPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : BAGAIMANAKAH KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH
PERATURAN PENCEGAHAN WABAK DENGGI?**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab utama kompaun tidak dikeluarkan kepada individu pemilik kediaman?
- b) Berapakah jumlah kompaun telah dikeluarkan atas premis kediaman, pembinaan dan peniagaan mengikut daerah dan lokaliti?

JAWAPAN:

- a) Arahan Pentadbiran (JKN Selangor) berkenaan kompaun tidak dikeluarkan kepada individu pemilik kediaman hanya berkuatkuasa di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah sahaja bermula 27 Julai 2016 (Mesyuarat Kawalan Denggi bersama YBhg. Dato' Pengarah Kesihatan Negeri Selangor) sehingga kini. Ia tidak melibatkan sebarang aktiviti penguatkuasaan denggi oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sebab utama adalah bagi meningkatkan kerjasama pemilik kediaman untuk membenarkan Petugas Denggi lapangan melaksana aktiviti kawalan denggi harian iaitu pemeriksaan tempat pembiakan di dalam premis mereka. Namun, bagi situasi tertentu seperti di bawah berpandukan justifikasi Pejabat Kesihatan Daerah, aktiviti penguatkuasaan (kompaun) akan terus dilaksana seperti biasa:

- i) Pemilik kediaman yang masih dijumpai pembiakan nyamuk aedes selepas teguran/pemeriksaan pertama dilakukan;
 - ii) Lokaliti kematian denggi;
 - iii) Tapak bina dan tempat tumpuan awam seperti kedai, kawasan perindustrian, pejabat dan sebagainya; dan
 - iv) Mana-mana lokaliti yang kerap berlaku wabak atau hotspot atau mana-mana lokaliti yang difikirkan perlu dilaksana aktiviti penguatkuasaan.
- b) Bagi premis kediaman dan premis perniagaan, amaun kompaun yang dikeluarkan adalah RM500.00. Manakala bagi tapak pembinaan, tindakan pendakwaan terus diambil di mana denda adalah tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun bagi kesalahan pertama. Manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBANGUNAN BAGI
SEKOLAH RENDAH AGAMA DI BAWAH JAIS**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Peruntukan 2017 berapa peratus telah dibelanjakan dan dilaksana?
- b) Berapakah kelulusan telah diperuntukan dalam aduan dan permohonan daripada 7 buah SRA dalam DUN Meru bagi tahun 2017 & 2018?
- c) Apakah ada halangandan kekangan peruntukan dibelanjakan mengikut tahun kewangan?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan sebanyak RM128.5 juta telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri kepada Vot.P14: JAIS pada tahun 2017 dan sebanyak RM105,416,045.97 telah berjaya dibelanjakan daripada jumlah keseluruhan peruntukan tersebut dengan pencapaian 82.04 peratus.
- b) Kelulusan yang diperuntukan dalam permohonan daripada 7 buah SRA dalam DUN Meru bagi tahun 2017 & 2018 adalah sebanyak RM271,710.00
- c) Antara kekangan Jabatan bagi membelanjakan peruntukan pada tahun semasa adalah masalah kemajuan kerja di tapak bina tidak selaras dengan jadual perancangan yang telah dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF
INFRASTRUKTUR SUKAN NEGERI SELANGOR 2018**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan ini telah dibelanjakan setiap daerah?
- b) Apakah status permohonan yang telah dihantar dan kelulusan yang dikeluarkan?
- c) Bilakah projek ini akan bermula di DUN Meru?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di Negeri Selangor bagi meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kesukanan. Berikutan pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM11,740,000.00 untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan di Negeri Selangor yang telah dikenalpasti dan perlu dibaikpulih segera seperti Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Sultan Suleiman, Klang, Membaikpulih kemudahan Dewan Gimnastik di Sekolah Yoke Kuan, Sekinchan dan Projek Menaiktaraf Stadium Shah Alam dan Malawati.

Selain itu, sebanyak RM40,000.00 pula telah diperuntukkan kepada setiap DUN dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM2,240,000.00 untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan peringkat DUN yang mana projek ini akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Pemilihan bagi kelulusan projek ini adalah mengikut tahap projek kemudahan tersebut. Berikutan, pihak DUN boleh mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak PDT untuk kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, senarai permohonan yang telah dihantar dan kelulusan yang telah dikeluarkan adalah seperti jadual di bawah :-

PEJABAT DAERAH/TANAH (PDT)	DUN	PERUNTUKAN (RM)
PDT GOMBAK	KUANG	39,940.00
	GOMBAK SETIA	44,770.16
	BATU CAVES	47,514.50
	TAMAN TEMPLER	39,622.80
	HULU KELANG	20,373.20
JUMLAH		192,220.66
PDT HULU LANGAT	BALAKONG	39,725.62
	BANGI	50,114.42
	BUKIT ANTARABANGSA	43,184.60
	DUSUN TUA	40,000.00
	LEMBAH JAYA	42,189.27
	SEMENYIH	39,962.00
	KAJANG	19,750.00
	CEMPAKA	41,778.63
JUMLAH		316,704.54
PDT KUALA SELANGOR	IJOK	41,757.00
	JERAM	39,976.84
	MELAWATI	39,983.20
	SUNGAI BURONG	42,809.27
	PERMATANG	39,996.03
JUMLAH		204,522.34
PDT PETALING	PAYA JARAS	38,768.44
	SERI MUDA	38,408.04
	KOTA ANGGERIK	38,571.92
	MERU	39,750.00
JUMLAH		155,498.40
PDT SEPANG	DENGKIL	42,315.20
	SG.PELEK	42,245.60
JUMLAH		84,560.80

- c) Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada DUN Meru bagi tahun 2018 melalui Pejabat Daerah/ Tanah Petaling (PDT Petaling) bagi Projek Membaikpulih Gelanggang Sukan sedia ada dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Bukit Cherakah di dalam Daerah Petaling. Sehubungan itu, projek ini telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak RM39,750.00 yang akan dilaksanakan oleh PDT Petaling. Justeru itu, peruntukan akan disalurkan kepada PDT Petaling berdasarkan kos sebenar pada Surat Setuju Terima (SST) yang akan dikemukakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KASIH IBU SMART SELANGOR

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah SOP dan kriteria untuk permohonan KISS yang dilancarkan baru-baru ini? Berapa jumlah peruntukan?
- b) Jumlah penerima seluruh Selangor ikut pecahan DUN.
- c) Jumlah kedai panel yang disediakan ikut pecahan DUN.

JAWAPAN:

- a) *Standard Of Procedure (SOP)* bagi pelaksanaan program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) telah disediakan bertujuan sebagai garis panduan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam pengendalian, pelaksanaan dan seterusnya menjayakan keseluruhan Program Kasih Ibu *Smart Selangor* (KISS) di seluruh Negeri Selangor. SOP yang telah disediakan adalah seperti berikut :-
 - 1. Pemohon memuat turun borang permohonan KISS daripada laman web rasmi KISS.
 - 2. Pemohon mengisi dan melengkapkan borang permohonan KISS beserta dokumen berkaitan.
 - 3. Pemohon menghantar borang permohonan beserta dokumen berkaitan kepada Pejabat ADUN/ Penyelaras DUN/ Pejabat EXCO Kebajikan.
 - 4. Pejabat DUN/ Penyelaras menghantar kepada SELCARE :
 - i. Borang permohonan KISS beserta dokumen berkaitan yang layak sahaja.
 - ii. Softcopy senarai nama pemohon KISS yang layak sahaja.
 - 5. SELCARE menyemak borang dan softcopy permohonan KISS :
 - i. Jika tidak lengkap, SELCARE pohon Pejabat DUN/ Penyelaras untuk lengkapkan.
 - ii. Jika lengkap, SELCARE akan proses untuk cetakan.
 - 6. SELCARE pastikan senarai nama pemohon yang layak tidak bertindih.
 - 7. SELCARE menghantar senarai nama dan No KP pemohon yang layak menurut DUN untuk dicetak oleh vendor.
 - 8. SELCARE terima kad KISS yang telah dicetak daripada vendor.

9. SELCARE mendapat kelulusan UPEN/ Kerajaan Negeri Selangor sebelum kad KISS dihantar ke Pejabat DUN/ Penyelaras DUN/ Pejabat EXCO Kebajikan.
10. SELCARE hantar kad KISS menurut DUN ke Pejabat DUN/ Penyelaras.
11. Pejabat DUN/ Penyelaras DUN/ Pejabat EXCO Kebajikan menandatangani borang penerimaan sewaktu penghantaran kad KISS.
12. Pejabat DUN/ Penyelaras DUN/ Pejabat EXCO Kebajikan akan mengagihkan kad KISS kepada ahli KISS.
13. Ahli KISS wajib mengaktifkan kad KISS sebelum penggunaan.
14. Ahli KISS membuat pembelian di kedai-kedai panel berdaftar KISS.

Jumlah peruntukan keseluruhan bagi Program KISS adalah berjumlah RM72,000,000.00 setahun.

b) dan (c)

Secara keseluruhan, jumlah penerima kad KISS di seluruh Negeri Selangor sehingga 21 Mac 2018 adalah seramai 20,081 orang. Manakala jumlah kedai panel yang telah berdaftar dengan program KISS adalah sebanyak 235 kedai yang berdaftar di mana rangkaian kedai serbaneka 99 Speedmart merupakan tertinggi dengan 150 kedai, 1 pasaraya Hypermarket Giant, 39 rangkaian Pusat Pakaian Hari-hari dan 45 kedai runcit komuniti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rakyat Selangor yang memohon skim Peduli Sihat seluruh Negeri Selangor dan pecahan setiap DUN?
- b) Berapakah jumlah pemohon yang telah mendapatkan manfaat dan berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan Kerajaan Negeri setakat ini?
- c) Berapakah panel klinik yang disediakan mengikut pecahan DUN dan adakah bilangan pemohon menepati sasaran?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no 77 daripada YB Kuala Kubu Baru, soalan no 84 daripada YB Sungai Panjang dan soalan no 185 daripada YB Hulu Bernam bagi soalan berkaitan Skim Peduli Sihat.

Program Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada tahun 2017 diteruskan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Pada masa ini, program sebegini hanya terdapat di negeri Selangor dan menjadikan ianya terunggul di Malaysia. Sehingga 18 Mac 2018, sebanyak 320,647 Kad Peduli Sihat telah berdaftar dengan anggaran seramai 1,282,588 orang penerima manfaat.

Sebanyak 983 klinik panel yang telah berdaftar bagi menjayakan Skim Peduli Sihat manakala 36 buah lagi masih menunggu kelulusan. Bilangan ini mendekati sasaran Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 1,000 klinik panel.

Sejak pelaksanaan Skim Peduli Sihat pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM17,432,265.99 bagi menampung kos rawatan di klinik panel. Sebanyak 387,742 kali rawatan telah diterima oleh pemegang kad Peduli Sihat. Terdapat sebanyak 241,744 kad masih belum pernah digunakan pada tahun 2018.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan penerima manfaat, bilangan klinik panel dan jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat mengikut pecahan DUN:

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N01 Sungai Air Tawar	3,198	(tiada klinik swasta)	353,924.10
N02 Sabak	2,786	3	217,417.20
N03 Sungai Panjang	4,498	6	583,872.35
N04 Sekinchan	2,398	2	221,416.50
N05 Hulu Bernam	3,086	2	142,855.90
N06 Kuala Kubu Baharu	2,083	6	160,786.90
N07 Batang Kali	6,493	14	620,118.60
N08 Sungai Burong	2,924	2	321,351.35
N09 Permatang	4,198	5	478,745.30
N10 Bukit Melawati	3,838	3	567,586.00
N11 Ijok	1,966	5	233,526.80
N12 Jeram	4,265	10	479,579.65
N13 Kuang	4,147	7	368,236.40
N14 Rawang	3,856	28	345,026.50
N15 Taman Templer	3,417	12	302,967.95
N16 Batu Caves	3,760	17	197,903.50
N17 Gombak Setia	2,197	7	153,491.14
N18 Hulu Kelang	2,675	2	180,863.70
N19 Bukit Antarabangsa	2,775	3	146,446.88
N20 Lembah Jaya	3,040	29	224,391.39
N21 Chempaka	1,229	6	117,487.01
N22 Teratai	1,917	2	87,760.25
N23 Dusun Tua	2,205	9	146,660.70
N24 Semenyih	3,720	19	284,639.30
N25 Kajang	2,826	38	225,159.00
N26 Bangi	3,068	26	302,350.02
N27 Balakong	1,336	10	115,215.25
N28 Seri Kembangan	3,793	27	548,749.45
N29 Seri Serdang	2,906	23	178,847.45
N30 Kinrara	2,575	34	192,022.55
N31 Subang Jaya	1,369	30	83,415.65
N32 Seri Setia	3,213	18	373,377.85
N33 Taman Medan	3,382	18	379,400.35

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N34 Bukit Gasing	853	8	38,985.60
N35 Kampung Tunku	648	7	41,559.05
N36 Damansara Utama	878	13	32,262.45
N37 Bukit Lanjan	2,769	7	184,513.55
N38 Paya Jaras	4,160	21	361,556.10
N39 Kota Damansara	2,829	28	177,865.76
N40 Kota Anggerik	2,987	52	301,712.34
N41 Batu Tiga	3,274	29	323,668.72
N42 Meru	6,187	20	687,654.80
N43 Sementa	3,279	12	358,917.05
N44 Sungai Pinang	1,196	4	74,039.90
N45 Selat Klang	4,095	5	318,953.10
N46 Pelabuhan Klang	2,439	26	297,106.45
N47 Pandamaran	3,127	6	343,790.50
N48 Kota Alam Shah	1,664	7	63,978.98
N49 Seri Andalas	4,001	40	444,564.56
N50 Sri Muda	2,269	31	205,359.50
N51 Sijangkang	3,044	8	307,218.15
N52 Telok Datok	4,751	11	553,065.60
N53 Morib	5,758	10	479,635.64
N54 Tanjung Sepat	4,858	4	639,805.19
N55 Dengkil	4,639	17	657,403.15
N56 Sungai Pelek	4,107	7	689,389.40
Kategori Khas / Luar Kawasan Selangor	145,696	187	513,667.51
Jumlah Keseluruhan	320,647	983	17,432,265.99

Menjawab kepada pertanyaan YB Kota Anggerik berkaitan pecahan penerima SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 18 Mac 2018:

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN
MELAYU	162,249	50.60%
CINA	96,121	29.98%
INDIA	59,718	18.62%

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN
ORANG ASLI	589	0.18%
LAIN-LAIN	1,970	0.61%
JUMLAH	320,647	100.00%